



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

Setiausaha Kehormat
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat
DATIN MAHFUZH ZAKKIAH BINTI HJ ABDAIN

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Ahli-ahli Jawatankuasa
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B) DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR DATO' MOHID BIN MOHAMED AISHAH BINTI MAT DESA DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2025(3)

18 FEBRUARI 2025

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-3/2025: PELAWAAN TUNJUK MINAT BAGI PELAKSANAAN KURSUS JANGKA PENDEK TAHUN 2025 UNTUK AHLI-AHLI PIKM

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) mempelawa Ahli-ahli Persatuan yang berkelayakan untuk menyatakan minat bagi melaksanakan Kursus Jangka Pendek bagi tahun 2025. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan peluang latihan yang relevan dan berkualiti kepada personel keselamatan, sejajar dengan misi nasional dan Persatuan untuk membangunkan sumber manusia yang kompeten.

2. Syarikat yang terpilih akan bekerjasama dengan PIKM bagi merancang, melaksana dan menilai program latihan yang sesuai untuk semua peringkat pekerja syarikat Ahli Persatuan, termasuk pengurusan, operasi dan sokongan di sepanjang tahun 2025. Program ini juga adalah untuk menggalakkan penglibatan Ahli-ahli Persatuan dalam aktiviti PIKM, terutamanya dalam usaha membentuk modal insan dengan acuan daripada industri sendiri.

3. **Ahli Persatuan yang berminat hendaklah merupakan Penyedia Latihan Berdaftar HRD Corp.** Bukti berupa sesalinan Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan HRD Corp hendaklah dilampirkan bersama dengan cadangan yang dikemukakan.

4. Ahli Persatuan yang ingin mengemukakan Pelawaan Tunjuk Minat ini boleh berbuat demikian dengan menghantar cadangan yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- **Profil dan Pengalaman Syarikat:** Penerangan ringkas mengenai latar belakang dan pengalaman syarikat dalam bidang latihan.
- **Objektif Kursus:** Matlamat utama kursus dan hasil pembelajaran yang diharapkan.
- **Penceramah/Pengajar:** Maklumat mengenai tenaga pengajar yang akan terlibat, termasuk kelayakan dan pengalaman mereka.

- **Modul:** Gambaran keseluruhan modul yang akan ditawarkan, bersama jadual atau susunan kandungan kursus.
- **Harga:** Kos pelaksanaan kursus, termasuk sebarang bayaran tambahan yang relevan.

5. **Semua cadangan hendaklah dihantar secara bertulis melalui emel kepada info@pikm.my selewat-lewatnya pada 3 Mac 2025**. Cadangan yang diterima akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan, dan syarikat yang berjaya akan disenarai pendek untuk pertimbangan selanjutnya.

6. Sebarang pertanyaan berkenaan Pelawaan Tunjuk Minat ini boleh diajukan kepada sekretariat, **Encik Ahmad Ramdan bin M Yusof melalui emel ramdan@pikm.my atau talian telefon di 019-2125032**.

7. Besar harapan kami agar Ahli-ahli Persatuan yang berkecenderungan dapat menyahut peluang ini dan bersama-sama menyumbang kepada pembangunan personel industri melalui penyampaian kursus-kursus yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DATUK MOHAMMAD UBADILLAH BIN ENAM @ IMAN
PRESIDEN**